



SIARAN MEDIA

PROGRAM KORBAN KASIH BERSAMA WARGA BOMBA 2026 ERAT SEMANGAT KEPRIHATINAN DAN PENGORBANAN

CYBERJAYA, 30 Mei 2026 – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengambil keberkatan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini menerusi pelaksanaan Program Korban Kasih Bersama Warga Bomba Tahun 2026 yang berlangsung di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cyberjaya, pagi ini.

Program tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Wira Dr. M. Nor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan YAS Dato' Sri Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sebanyak 45 ekor lembu telah dikorbankan hasil penyertaan warga kementerian dan jabatan serta sumbangan daripada agensi-agensi di bawah KPKT.

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi itu mendapat sambutan amat menggalakkan daripada warga kementerian, jabatan dan agensi dengan penglibatan keseluruhan dianggarkan seramai 500 petugas yang bersama-sama berganding bahu menjayakan ibadah korban serta proses penyediaan dan pengagihan daging korban.

Keseluruhan program berjalan lancar dan daging korban yang telah siap dilapah kemudiannya diagihkan kepada para peserta, petugas media, warga JBPM serta warga kementerian.

Pada masa sama, pengagihan turut melibatkan seramai 2,500 penerima termasuk golongan asnaf di kawasan Parlimen P113 Sepang sebagai usaha menyemarakkan semangat kebajikan dan keprihatinan sosial terhadap masyarakat yang memerlukan.

Penganjuran program ini bukan sahaja menjadi medium mengeratkan hubungan silaturrahim dan memperkukuh semangat kerjasama dalam kalangan warga KPKT dan JBPM, malah turut memberi penghayatan mendalam terhadap nilai pengorbanan, keikhlasan dan kebersamaan yang menjadi teras sambutan Aidiladha.



Dalam konteks perkhidmatan JBPM, semangat pengorbanan ini amat dekat dengan tugas dan tanggungjawab anggota bomba yang sentiasa bersedia mempertaruhkan keselamatan diri demi menyelamatkan nyawa serta harta benda masyarakat tanpa mengira masa dan keadaan.

Nilai inilah yang terus menjadi kekuatan utama warga JBPM dalam melaksanakan amanah kepada rakyat dan negara.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
30 Mei 2026



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016